

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan benar-benar beriltizam untuk menghapuskan rasuah dan jika benar, nyatakan langkah-langkah secara terperinci di atas usaha ke arahnya.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di- Pertua,

Kerajaan telah menunjukkan iltizam dan kesungguhan untuk menghapuskan Rasuah di dalam negara dengan penubuhan NKRA Membanteras Rasuah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) sejak tahun 2009 dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mencegah rasuah di pelbagai tahap dan peringkat merangkumi sektor awam (Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan), sektor swasta/korporat, sektor politik dan juga masyarakat termasuk di peringkat sekolah.

Di antara langkah besar yang telah diambil pada permulaan GTP adalah menaik taraf Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mempunyai kuasa yang lebih besar tetapi telus dengan mengadakan lima (5) buah jawatankuasa berasingan yang berfungsi sebagai pemantau serta penasihat kepada SPRM iaitu Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Panel Penilaian Operasi, Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan dan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

Bagi sektor awam, pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 di bawah GTP dengan Transformasi Perkhidmatan Awam secara menyeluruh dan holistik termasuk mengautomatiskan prosidur bagi mengurangkan interaksi diantara orang awam dan pegawai kerajaan sekaligus mengurangkan masalah birokrasi serta rasuah. Bermula pada 16 Februari 2011 melalui inisiatif NKRA Membanteras Rasuah menyaksikan penubuhan sebanyak 14 buah Mahkamah Sesyen Khas Rasuah diseluruh negara bagi membantu menyelesaikan kes-kes tertunggak serta mempercepatkan perbicaraan kes-kes Rasuah yang mana sebelumnya mengambil masa 5 hingga 8 tahun menunjukkan komitmen padu kerajaan dalam usaha membanteras Rasuah.

Kerajaan juga melalui Kementerian Kewangan telah mengadaptasikan inisiatif yang diperkenalkan oleh *Transparency International* iaitu '*Integrity Pact*' yang merupakan ikrar yang perlu ditandatangani oleh setiap seorang pegawai Kerajaan dan juga

setiap pekerja dipihak kontraktor yang terlibat dalam dalam projek perolehan Kerajaan dari mula proses tender sehingga projek siap. Disamping itu juga Kerajaan telah menunjukkan kesungguhan dengan memaparkan tender-tender perolehan Kerajaan yang merangkumi iklan tender, harga tender serta pemenang tender di lawan sesawang Kementerian Kewangan '*My Procurement portal*' termasuk perolehan melalui Rundingan Terus (*Direct Negotiation*).

Pada tahun 2013, inisiatif penubuhan Unit Pematuhan bagi agensi Penguatkuasaan utama negara di bawah NKRA Membanteras Rasuah telah diperluaskan kepada penubuhan Unit Integriti (UI) di kesemua Kementerian, Jabatan, Agensi dan *Government Link Companies (GLC)* dengan diketuai oleh pegawai SPRM bagi organisasi berisiko tinggi, dan diketuai Pegawai Integriti Bertauliah (*Ce/O*) yang telah dilatih serta ditauliahkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia bagi organisasi berisiko sederhana dan rendah. Inisiatif ini dilaksanakan bukan sahaja di peringkat Kerajaan Persekutuan, malah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Syarikat berkaitan Kerajaan (*GLC*).

Bagi sektor korporat, bermula pada tahun 2011, PEMANDU melalui NKRA Membanteras Rasuah telah memperkenalkan *Corporate Integrity Pledge (CIP)* bagi *Entry Point Project (EPP)* yang menggalakkan sektor korporat untuk bersama-sama dengan Kerajaan dalam pelaksanaan prinsip-prinsip anti-rasuah sebagaimana yang digariskan di bawah United Nation Anti-Corruption Convention (UNCAC). Kerajaan juga sedang meneliti

undang-undang baru bagi membendung salah laku Rasuah di kalangan sektor perniagaan dan korporat.

Bagi sektor politik pula, Kerajaan komited dan telah menubuhkan Jawatankuasa Konsultatif Negara Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) yang mana ahli-ahlinya terdiri dari pelbagai organisasi iaitu Kerajaan, Swasta, NGO dan pelbagai parti politik termasuk parti pembangkang yang telah menjalankan pelbagai kajian, aktiviti serta rundingan bagi mencari inisiatif terbaik pelaksanaan pembiayaan politik di Malaysia bagi membendung gejala rasuah serta menggalakkan ketelusan.

Di peringkat pelajar pula, beberapa inisiatif telah dilaksanakan diantaranya adalah memasukkan elemen anti rasuah ke dalam buku teks sekolah yang telah bermula dengan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral Darjah 5, menubuhkan sekretariat Pencegahan Rasuah di Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi penyediaan guru dalam mengajar elemen anti-rasuah serta penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di institusi-institusi Pengajian awam dan swasta.

Untuk peringkat masyarakat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan telah memperkenalkan program Community Integrity Building (CIB) yang merupakan penglibatan komuniti dan PBT dalam usaha membanteras gejala Rasuah di mana masyarakat menjadi mata dan telinga memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Projek permulaan telah dilaksanakan di 3 buah PBT

melibatkan 3 buah negeri dan akan diperluaskan kepada PBT-PBT di negeri-negeri lain.

Namun demikian, ada usaha di antara inisiatif dan usaha baik ini telah dipolitikkan serta menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam seperti penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 yang merupakan suatu usaha Kerajaan untuk menggalakkan orang yang mempunyai maklumat mengenai salah laku termasuk salah laku rasuah untuk tampil membuat laporan dan dilindungi tetapi telah dipolitik. Namun demikian, inisiatif ini masih diteruskan dan pendidikan serta kesedaran kepada masyarakat akan diteruskan sehingga mereka benar-benar faham akan pelaksanaannya.

Kesemua inisiatif tersebut diatas sedang dan masih dilaksanakan, dipantau serta dibantu bagi memastikan *sustainability*. Seharusnya, usaha-usaha yang baik perlu disokong oleh pelbagai pihak dan tidak dijadikan bahan politik, malah semua warganegara tidak kira parti, bangsa dan agama perlu berganding bahu untuk menjayakannya demi negara.

Sekian, terima kasih.